



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PENGOPERASIAN TASKA GENIUS PERPADUAN DAN TABIKA PERPADUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya 2 Oktober 2021 –Kementerian Perpaduan Negara (KPN) membuat penetapan bahawa sebanyak 17 Taska Genius Perpaduan (TGP) di 6 buah negeri Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dibenarkan beroperasi bagi anak-anak yang ibubapanya bekerja. Manakala, sebanyak 24 Taska Genius Perpaduan di 7 buah negeri Fasa 3 dan 2 buah negeri Fasa 4 PPN akan mula beroperasi secara fizikal seperti berikut:

- TGP di Negeri Terengganu, Sarawak, Perlis, Negeri Sembilan dan WP Labuan akan mula beroperasi pada 3 Oktober 2021;
- TGP di Negeri Pahang akan mula beroperasi pada 11 Oktober 2021; dan
- TGP di WP Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka akan mula beroperasi pada 18 Oktober 2021.

2. Bagi Tabika Perpaduan (TP) pula, sebanyak 833 buah Tabika Perpaduan di 6 buah negeri Fasa 2 PPN akan beroperasi secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Manakala sebanyak 948 TP di 8 buah negeri Fasa 3 dan 2 buah negeri Fasa 4 PPN serta Pulau Langkawi akan mula beroperasi secara fizikal seperti berikut:

- TP di Negeri Terengganu, Sarawak, Perlis, Negeri Sembilan, WP Labuan dan Pulau Langkawi akan beroperasi mulai 3 Oktober 2021;
- TP di Negeri Pahang akan beroperasi mulai 11 Oktober 2021; dan
- TP di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor dan Melaka akan mula beroperasi pada 18 Oktober 2021.

3. Sekiranya berlaku perubahan Fasa PPN, pengoperasian TGP dan TP hendaklah mengikut ketetapan fasa baharu iaitu selepas dua (2) minggu daripada tarikh peralihan fasa tersebut seperti mana ditetapkan dalam Garis Panduan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula 1 Oktober 2021, senarai negeri mengikut Fasa PPN adalah seperti di Lampiran.

4. Bagi Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan yang beroperasi secara fizikal, para guru dan pendidik mestilah mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Memastikan semua guru, penolong guru, pendidik dan pembantu pendidik perlu lengkap vaksinasi;
- b. Pengoperasian adalah berdasarkan kepada kapasiti kelas setelah mengambil kira penjarakan fizikal;
- c. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi di dalam dan di luar premis TGP dan TP;
- d. Menampal panduan dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 di tempat yang mudah dilihat;
- e. Memastikan langkah-langkah penjarakan fizikal seperti menampal penanda ruangan dan jarak kedudukan di dalam dan di luar kelas; dan
- f. Penggunaan aplikasi MySejahtera di premis TGP dan TP.

5. Kementerian juga akan memastikan pengoperasian ini tertakluk kepada pematuhan yang ketat Garis Panduan Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Keselamatan Warga Asuhan Kanak-Kanak (Taska) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Garis Panduan Majlis Keselamatan Negara.

6. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara mengingatkan semua guru dan pendidik agar sentiasa memastikan murid Tabika Perpaduan dan kanak-kanak Taska Genius Perpaduan menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal. Iubapa dan penjaga yang menghantar anak-anak mereka ke tabika dan taska juga perlu mematuhi protokol kesihatan dan SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM serta arahan Kerajaan Negeri yang berkaitan sepanjang tempoh pengoperasian ini.

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (87)

LAMPIRAN

**JUMLAH TABIKA PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN
MENGIKUT FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA MULAI 1 OKTOBER 2021**

BIL.	FASA	NEGERI	BIL. TABIKA PERPADUAN	BIL. TASKA GENIUS PERPADUAN
1	FASA 1	TIADA	-	-
JUMLAH			-	-
2	FASA 2	KEDAH	98	3
3		PULAU PINANG	116	3
4		PERAK	164	3
5		KELANTAN	107	4
6		SABAH	142	2
7		JOHOR	206	2
JUMLAH			833	17
8	FASA 3	SELANGOR	182	2
9		WP KUALA LUMPUR	132	3
10		WP PUTRAJAYA	9	0
11		MELAKA	64	4
12		PERLIS	37	2
13		PAHANG	126	3
14		TERENGGANU	72	2
15		SARAWAK	172	4
JUMLAH			794	20
15	FASA 4	NEGERI SEMBILAN	120	2
16		WP LABUAN	25	2
		PULAU LANGKAWI	9	0
JUMLAH			154	4
JUMLAH			1781	41

